



**UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA**

**FAKTOR-FAKTOR NILAI, KEKELUARGAAN DAN DIRI  
SERTA HUBUNGANNYA DENGAN PENCAPAIAN AKADEMIK**

**LATIF ANWAR**

**FPP 1998 45**

**FAKTOR-FAKTOR NILAI, KEKELUARGAAN DAN DIRI  
SERTA HUBUNGANNYA DENGAN PENCAPAIAN AKADEMIK**

**MASTER SAINS**

**UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA**

**1998**



**FAKTOR-FAKTOR NILAI, KEKELUARGAAN DAN DIRI  
SERTA HUBUNGANNYA DENGAN PENCAPAIAN AKADEMIK**

**Oleh**

**LATIF ANWAR**

Projek Penyelidikan ini disediakan sebagai memenuhi  
sebahagian syarat Master Sains  
di Fakulti Pengajian Pendidikan  
Universiti Putra Malaysia



## PENGHARGAAN

Dengan tulus ikhlas saya merakamkan ucapan terima kasih kepada Dr. Mustafa Kamal Mohd. Shariff yang memberi ruang dan perangsang kepada saya untuk terus belajar semasa bertugas.

Dengan putih hati saya junjungkan kasih kepada Prof. Madya Dr. Hj. Turiman Suandi atas bimbingan, nasihat dan tunjukajarnya sebelum, semasa dan selepas kajian ini dibuat. Seterusnya kepada guru-guru saya yang pernah mengajar saya selama tempoh pengajian saya dalam program ini, terutamanya Dr. Hj. Asma Ahmad dan Prof. Madya Dr. Desa Ahmad yang banyak membantu dalam usaha mendapatkan maklumat pelajar. Tidak ketinggalan juga kepada Dr. Nordin Abd. Rahman yang memberikan komen kepada penulis.

Serumpun kasih saya kalongkan kepada isteri, Fathimah Alias yang mengerti erti kesabaran dan kepada anak-anak saya, Nurul, Hanim, Fauzi, Siti dan Hanum yang menyinari rumpun kasih kami. Terima kasih bapa, kerana doa mu dan arwah ibu kerana melahirkan saya.

Sekuntum kasih saya panjangkan kepada Normala Abu Samah atas taipan jari jemarinya serta kesabarannya dengan kerenah penulisan saya dan seterusnya kepada teman sepejabat.

Segenggam kasih dihulurkan kepada teman seperjuangan terutama Ustaz Rosli Arop, Nordin Mohamad, Zaniah Ahmad, Marina Awang, Norizan Azizan, Nasir Yaakub, Jamsari Tamsir, Johar Bukhari, Hj. Johari Jamain dan Jusang Bolong yang sama-sama menyelam dalam lumpur.

Akhirnya, dengan rendah diri saya panjatkan kesyukuran kepada Illahi yang memungkinkan segalanya berlaku.

**LATIF ANWAR, 51499**  
Fakulti Pengajian Pendidikan  
Mac '98

## KANDUNGAN

	<b>Muka Surat</b>
PENGHARGAAN . . . . .	i
KANDUNGAN . . . . .	ii
SENARAI JADUAL . . . . .	iv
SENARAI RAJAH . . . . .	vi
ABSTRAK . . . . .	vii
ABSTRACT . . . . .	viii
 <b>BAB</b>	
<b>1 PENDAHULUAN</b>	
Pengenalan . . . . .	1
Latarbelakang Masalah . . . . .	5
Pernyataan Masalah . . . . .	7
Objektif Kajian . . . . .	7
Kepentingan Kajian . . . . .	8
Skop kajian . . . . .	8
Definisi Istilah . . . . .	9
 <b>2 TINJAUAN BAHAN BERTULIS</b>	
Pencapaian Akademik . . . . .	10
Faktor yang mempengaruhi pencapaian akademik . . . . .	11

**3 METODOLOGI**

Rangka Kerja Kajian . . . . .	15
Populasi Kajian . . . . .	17
Pemilihan Sampel Kajian . . . . .	18
Peralatan Kajian . . . . .	19
Praujian Soal Selidik . . . . .	28
Pengumpulan Data . . . . .	29
Penganalisan Data . . . . .	29

**4 HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN**

Maklumat Latar Belakang . . . . .	31
Faktor Nilai, Kekeluargaan dan diri serta perbandingan antara responden B dan BB	35
Perkaitan antara diri, kekeluargaan nilai dengan pencapaian akademik	38
Perbandingan Pencapaian Akademik antara B dengan BB	44

**5 RINGKASAN, RUMUSAN, IMPLIKASI DAN CADANGAN**

Ringkasan . . . . .	46
Rumusan . . . . .	47
Implikasi dan Cadangan . . . . .	49

<b>RUJUKAN . . . . .</b>	<b>51</b>
--------------------------	-----------

<b>LAMPIRAN . . . . .</b>	<b>53</b>
---------------------------	-----------

## Senarai Jadual

	<b>Muka Surat</b>
<b>Jadual 1</b>	Bilangan dan Klasifikasi Populasi . . . . . 17
<b>Jadual 2</b>	Taburan Sampel Kajian . . . . . 18
<b>Jadual 3</b>	Pecahan soalan-soalan dalam set borang soal selidik . . . . . 19
<b>Jadual 4</b>	Taburan Responden Mengikut Latar Belakang . . . . . 32
<b>Jadual 5</b>	Tahap Elemen-Elemen Penting dalam Penentuan Sikap Responden . . . . . 35
<b>Jadual 6</b>	Tahap Kedudukan Faktor-Faktor Nilai, Kekeluargaan dan Diri serta Perbandingan antara responden B dan BB . . . . . 39
<b>Jadual 7</b>	Taburan Tahap Faktor Diri/Faktor Nilai/ Faktor Kekeluargaan responden terhadap GPA mengikut taraf B dan BB . . . . . 40
<b>Jadual 8</b>	Pekali Korelasi di antara Faktor Diri, Kekeluargaan dan Nilai dengan taraf (B dan BB) . . . . . 42
<b>Jadual 9</b>	Perkaitan antara Faktor Nilai, Kekeluargaan dan Diri dengan Pencapaian Akademik (GPA) terhadap Taraf (B dan BB) . . . . . 43
<b>Jadual 10</b>	Ketaatan Responden Kepada Ajaran Agama . . . . . 53
<b>Jadual 11</b>	Ketaatan Responden Kepada Iubapa . . . . . 54
<b>Jadual 12</b>	Aspirasi Responden Kepada Pelajaran . . . . . 55
<b>Jadual 13</b>	Perhubungan Kekeluargaan Responden . . . . . 56
<b>Jadual 14</b>	Latarbelakang Kewangan Responden . . . . . 57
<b>Jadual 15</b>	Tahap Pendidikan Iubapa Responden . . . . . 58

**Muka Surat**



<b>Jadual 16</b>	Keterampilan Diri Responden . . . . .	59
<b>Jadual 17</b>	Dorongan Diri Responden . . . . .	60
<b>Jadual 18</b>	Cita-cita Responden . . . . .	61





## Senarai Rajah

	<b>Muka Surat</b>
<b>Rajah 1</b> Kerangka Kajian . . . . .	16



## ABSTRAK

Tujuan kajian ini adalah untuk mengenalpasti faktor-faktor nilai, keluarga dan diri dan hubungannya dengan pencapaian akademik.

Responden terdiri daripada 65 pelajar Fakulti Kejuruteraan dalam Program Bacelor Kejuruteraan Mekanikal dan Bacelor Kejuruteraan Awam. Pemilihan sampel adalah secara rawak berstrata dengan mengambilkira responden Bumiputra dan bukan Bumiputra.

Analisis data dibuat dengan menggunakan perisian SPSSWinV7.5 dan menggunakan statistik deskriptif Ujian-t dan korelasi.

Hasil kajian mendapati bahawa secara keseluruhan bilangan responden yang mempunyai cita-cita adalah tinggi (73.8%), ketaatan kepada ibubapa yang tinggi (78.5%), kesederhanaan dalam keterampilan diri yang tinggi (83.1%), latar belakang kewangan yang sederhana (75.4%) dan perhubungan kekeluargaan yang sederhana (75.4%). Walau bagaimanapun bilangan mereka mempunyai tahap pendidikan ibubapa yang rendah adalah tinggi (83.1%).

Selanjutnya, kajian mendapati bahawa tiada perkaitan yang signifikan antara pencapaian akademik dengan faktor nilai, keluarga dan diri. Walau bagaimanapun terdapat perkaitan positif di antara faktor nilai dengan faktor keluarga. Ini menunjukkan bahawa responden mempunyai faktor nilai dan faktor kekeluargaan yang seiring.

# BAB 1

## PENDAHULUAN

### Pengenalan

Memiliki Ijazah Sarjana Muda adalah membanggakan, namun untuk memperolehnya bukanlah satu perkara yang mudah. Banyak pengorbanan terpaksa dilakukan, termasuklah wang ringgit, masa dan tenaga. Sesetengah pelajar pula terpaksa meninggalkan kemewahan di rumah dan berjauhan dengan ibubapa demi mencapai kejayaan di Universiti.

Menurut ajaran Islam, menuntut ilmu adalah satu kewajipan bagi setiap individu. Di dalam Al-Quran, Allah (s.w.t) ada berfirman yang bermaksud:

"Bacalah (Ya Muhammad) dengan nama Tuhan mu yang telah menciptakan..."

(Al-Alaq: 1)

Tidak kira sama ada cara pembelajaran yang diikuti adalah formal atau tidak formal, ilmu yang diperolehi mampu membawa seseorang individu melayari hidup ini dengan sempurna. Perkara ini diperjelaskan dalam Al-Quran dengan firman Allah (s.w.t) yang bermaksud:

"Adakah sama orang-orang yang berilmu pengetahuan dengan orang yang tidak berilmu " (Az-Zuhar: 9)

Sijil dan Ijazah merupakan satu bentuk pengiktirafan kepada seseorang individu yang

mempunyai ilmu pengetahuan. Dengan Sijil dan Ijazah inilah individu dapat diterima sebagai pekerja dan seterusnya memberikan pulangan ganjaran untuk mereka hidup di dunia. Sehubungan dengan itu, maka ramailah orang mencari dan menuntut ilmu di institusi-institusi pengajian di dalam dan luar negara. Abu Hurairah (r.a) ada meriwayatkan bahawa Nabi Muhamad (s.a.w) pernah bersabda yang bermaksud:

"Carilah ilmu walau sampai ke Negeri Cina".

Di dalam alam Melayu sendiri, menuntut ilmu merupakan satu tuntutan yang digalakkan. Sejarah telah memberitahu kita bahawa, setelah kemasukan Islam di Melaka, ramai orang Melayu berlayar ke Mesir, Arab Saudi, Amerika dan negara-negara Eropah untuk menuntut ilmu. Ramai di kalangan mereka yang menjadi ulama dan pendita sekembalinya ke tanah air. Di antaranya ialah Pendita Zainal Abidin bin Ali (Za'ba) dan Munshi Abdullah.

Pepatah Melayu pernah menyebutkan:

"Jauh berjalan banyak pengalaman, banyak melihat luas pandangan"

Dengan ilmu sahaja manusia dapat membezakan antara perkara yang baik dengan yang buruk. Di Malaysia hari ini, umumnya pendidikan bermula dari peringkat Tadika (Taman Didikan Kanak-Kanak), sekolah rendah, sekolah menengah, pra-universiti dan akhirnya ke peringkat Institusi Pengajian Tinggi.

Kemuncak proses pembelajaran ialah menjejakkan kaki ke universiti sama ada di dalam atau di luar negara. Selepas pelajar melalui beberapa peperiksaan dan berjaya dalam

proses pemilihan ke Institusi Pengajian Tinggi barulah pelajar berkenaan diterima masuk ke Universiti.

Walau bagaimanapun, tidak semua pelajar yang mengikuti sistem pendidikan ini akan mencecahkan kaki ke universiti. Sebahagiannya terkandas di peringkat sekolah menengah, peringkat pra-universiti dan terdapat juga terkandas semasa pengajian di universiti.

### **Pencapaian Akademik di Universiti Putra Malaysia**

Bagi keputusan peperiksaan semester Mei 1997/98, Universiti Putra Malaysia (UPM) melalui Mesyuarat Senat ke 352 telah mengekalkan keputusan gagal dan diberhentikan kepada 38 orang pelajar yang mempunyai pencapaian akademik tidak memuaskan. Daripada jumlah 38 orang, seramai 3 pelajar dari kaum bukan bumiputra manakala selebihnya 35 pelajar adalah dari kaum bumiputra (Kertas Senat bil 352/2).

Kalau dilihat dari syarat kemasukan ke institusi-institusi Pengajian tinggi, kedua-dua golongan ini mempunyai status pendidikan yang sama. Bagi kemasukan program Ijazah, mereka perlu lulus dengan baik Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM) iaitu sekurang-kurangnya lulus 3 mata pelajaran di peringkat Prinsipal dan 2 diperingkat subsidari, atau sekurang-kurangnya mendapat purata mata timbunan (CGPA) 2.50 bagi calon-calon lepasan Diploma atau sekurang-kurangnya mendapat CGPA 2.00 bagi calon-calon lepasan matrikulasi atau sekurang-kurangnya mendapat CGPA 2.700 untuk memperolehi kenaikan khas dari program Diploma dan Matrikulasi (Buku Panduan Kemasukan UPM).

Selain itu, mereka juga mendapat kemudahan yang sama daripada pihak universiti, persekitaran yang sama dan kuliah daripada pensyarah-pensyarah yang sama. Jadi apakah masalah mereka yang menyebabkan fenomena di atas berlaku.

Mengikut Azizi (1992), masalah yang paling mengganggu pelajar ialah masalah mata pelajaran matematik dan mereka tidak berminat untuk membaca buku, tidak mempunyai kemahiran belajar yang berkesan dan masalah mengingat semula pelajaran.

Berdasarkan kepada keputusan peperiksaan semester Mei 1997/98 yang dipetik dari ringkasan keputusan peperiksaan semester Mei 1997/98, seramai 1845 pelajar di Fakulti Kejuruteraan telah menduduki peperiksaan akhir dan daripada jumlah itu, seramai 43.2 peratus mendapat purata Gred semester (GPA) kurang daripada 2.50, seramai 27.1 peratus mendapat GPA 3.00 ke atas dan selebihnya 27.6 peratus mendapat di antara 2.51 hingga 2.99. Selain itu, seramai 2.1 peratus mendapat status gagal dan diberhentikan.

Berdasarkan kepada bilangan pelajar Bumiputra yang mencapai status gagal dan diberhentikan iaitu seramai 35 orang, berbanding 3 orang pelajar sahaja dari kaum bukan Bumiputra ternyata pelajar Bumiputra mempunyai masalah yang besar dalam menghadapi pelajaran di universiti.

Berhubung dengan perkara ini, Halimah (1992) ada menyebutkan bahawa pencapaian dalam mata pelajaran Prinsip Akaun, ada menunjukkan perbezaan yang signifikan bagi pelajar dari segi bangsa, Tahap pencapaian Akademik dan kumpulan SSE (Status Sosio Ekonomi Keluarga). Beliau mendapati, golongan pelajar Cina mempunyai pencapaian

akademik yang baik berbanding pelajar-pelajar Melayu dalam mata pelajaran Prinsip Akaun.

Fenomena keciciran ini sering berlaku dan menyebabkan pelajar-pelajar Bumiputra tertinggal dalam pencapaian akademik cemerlang dalam senarai Dekan atau anugerah-anugerah lain yang ditawarkan oleh pihak fakulti atau universiti.

Di UPM kini belum ada kajian yang dibuat untuk mencari faktor-faktor yang mempengaruhi pencapaian akademik bagi pelajar-pelajar bukan Bumiputra ataupun Bumiputra.

### **Latarbelakang Masalah**

Pelajar yang tinggal bersama keluarga biasanya mendapat perhatian, bimbingan, nasihat dan kawalan daripada ibubapa, abang serta kakak. Pelajar berkenaan akan dipandu ke arah kehidupan yang teratur dan sihat.

Namun setelah tinggal di kampus bersama-sama kawan dan rakan sekelas, pelajar agak bebas melakukan sesuatu. Jika mereka kurang berdisiplin, mereka tidak mampu menguruskan masa dengan baik, mereka terpengaruh dengan kawan-kawan yang nakal dan cuai terhadap pelajaran.

Hujung minggu yang sepatutnya digunakan untuk membuat laporan atau mendapatkan rujukan di perpustakaan digunakan untuk berjalan ke Kuala Lumpur, pusat hiburan dan

pusat membeli belah adalah tempat tumpuan utama.

Ketidaklibatan sepenuhnya dengan aktiviti-aktiviti kolej atau aktiviti-aktiviti sukan menyebabkan banyak masa dapat dihabiskan di tempat-tempat tersebut. Perkara ini sedikit sebanyak melalaikan pelajar daripada mentelaah buku pelajaran dan mendekati diri dengan perpustakaan.

Kemiskinan boleh menjejaskan dorongan untuk belajar kerana tidak mampu untuk membeli buku, peralatan sekolah yang baik dan makanan yang berkhasiat. Pelajar yang tinggal dalam tahap ekonomi yang rendah dan suasana sosial yang bahaya, memberikan risiko yang tinggi kepada pencapaian akademik pelajar (Hersholt, 1996).

Gejala ponteng kuliah dan datang lewat ke kuliah menunjukkan kurangnya komitmen terhadap pelajaran. Mengikut David (1992), komitmen mempengaruhi kelakuan dan kelakuan akan menentukan hasil. Contohnya, jika seseorang komited dengan pelajarannya, mereka akan mempertingkatkan lagi kualiti pencapaiannya.

Inilah beberapa sikap pelajar yang negatif menyebabkan kurang tumpuan kepada pelajaran dan seterusnya memberikan pencapaian akademik yang merosot. Mengikut David (1997), sikap positif adalah seperti minyak pelincir di dalam injin; ia berkebolehan untuk mengkreatifkan minda dan kuasa penyelesaian masalah terhadap apa juga arahan yang diterima dan seterusnya pelajar yang bersikap positif akan melihat masalah sebagai peluang dan kepayahan sebagai cabaran.



Ini adalah kerana sikap merupakan arah pemikiran tentang kehidupan alam belajar. Ia mempengaruhi kelakuan dan tindak balas pelajar terhadap apa yang diterimanya dan seterusnya memberi kesan kepada perhubungan dengan rakan-rakan dan alam sekitar. Sikap menggambarkan pemikiran pelajar yang akan menentukan permulaan sesuatu tindakan yang bakal dilakukan oleh pelajar (David, 1997).

### **Pernyataan Masalah**

Berdasarkan kepada beberapa penelitian yang disebutkan di atas, timbul beberapa persoalan: Adakah pencapaian akademik pelajar berkait rapat dengan nilai, keluarga dan diri? Apakah nilai, keluarga dan diri pelajar yang mempunyai pencapaian akademik cemerlang dan nilai, keluarga dan diri pelajar yang mempunyai pencapaian akademik yang rendah.

Bertitik tolak daripada persoalan di atas, kajian ini dijalankan terhadap pelajar-pelajar di Fakulti Kejuruteraan, Universiti Putra Malaysia untuk mengetahui sama ada terdapat perbezaan sikap di antara pelajar-pelajar yang mempunyai pencapaian akademik yang cemerlang dengan pelajar-pelajar yang mempunyai pencapaian akademik yang rendah. Seterusnya, kajian ini ingin mengetahui apakah bentuk persamaan dan perbezaan sikap pelajar tersebut.

### **Objektif Kajian**

#### Objektif Umum

Objektif kajian ini adalah untuk menentukan faktor-faktor yang mempengaruhi

pencapaian akademik.

### Objektif Khusus

- i. mengenalpasti faktor diri, kekeluargaan dan nilai dikalangan pelajar.
- ii. menentukan perkaitan di antara faktor diri, keluarga dan nilai dengan pencapaian akademik.

### **Keentingan Kajian**

Hasil penemuan ini akan dapat memberi panduan kepada pelajar yang akan memasuki universiti atau pelajar universiti yang mempunyai pencapaian akademik yang kurang memuaskan atau pelajar yang ingin meningkatkan lagi pencapaian akademiknya supaya menerima dan mengamalkan sikap yang ditunjukkan dalam kajian ini.

Selanjutnya, hasil kajian ini dapat digunakan oleh pihak universiti atau Institusi Pengajian untuk menitikberatkan sikap yang baik seperti yang dihasilkan dalam kajian ini kepada para pelajarnya supaya mereka mencapai tahap akademik yang diperlukan.

### **Skop Kajian**

Kajian ini akan dijalankan ke atas pelajar-pelajar di Fakulti Kejuruteraan, Universiti Putra Malaysia dalam semua program Bachelor, klasifikasi Bungsu, Kecil, Muda dan Sulong. Juga program Diploma Kejuruteraan Pertanian dalam klasifikasi Akhir. Semua pelajar ini berada di dalam Kampus Serdang.

Pemilihan Fakulti ini adalah berdasarkan bahawa pengajian kejuruteraan dianggap paling mencabar kerana hanya sepuluh peratus yang mendapat purata Gred semester 3.0 dan ke atas (keputusan peperiksaan semester Mei 1997/98) dalam peperiksaan akhir semester Mei 1997/98 yang lalu.

Kajian ini hanya mengambil keputusan GPA (Purata timbunan) semester Mei 1997/98 sahaja. Rasionalnya mengapa penulis tidak mengambil CGPA (purata timbunan keseluruhan) adalah kerana responden terdiri daripada pelajar tahun pertama, dan pemeriksaan tersebut merupakan pertama kali buat mereka. Ini tentulah tidak adil untuk pelajar-pelajar tahun Empat, di mana peperiksaan tersebut adalah kali ke 7 buat mereka.

Alasan berikutnya ialah CGPA dipengaruhi oleh Keputusan GPA setiap semester. Oleh yang demikian, pelajar yang mendapat CGPA rendah pada awal-awal tahun, mereka agak sukar untuk meninggikan CGPA mereka pada tahun-tahun akhir.

### **Definisi Istilah**

1. **Pencapaian akademik.**

Keputusan peperiksaan yang diperolehi dalam peperiksaan yang lepas, semester Mei 1997/98 yang dinyatakan dalam bentuk skala 0 hingga 4 dalam ukuran Gred purata semester.

## BAB 2

### TINJAUAN BAHAN BERTULIS

Bab ini akan menerangkan dan membincangkan tentang pencapaian akademik, faktor sikap serta beberapa faktor lain yang mempengaruhi pencapaian akademik dan seterusnya fenomena yang membentuk sikap.

#### **Pencapaian Akademik**

Seseorang pelajar perlu mempunyai hasrat untuk meletakkan pencapaiannya dalam akademik pada kedudukan yang tinggi. Ini bakal menjamin mereka keluar dengan segulung ijazah dan alam pekerjaan menanti mereka dengan luasnya.

Mengikut Harold (1991) seseorang yang mempunyai keperluan terhadap pencapaian yang tinggi, sangat menginginkan kejayaan dan pada masa yang sama teramat kluatir akan kegagalan.

Di dalam Hierarki Keperluannya, Maslow telah meletakkan keperluan untuk pencapaian hasrat diri pada tahap yang tinggi sekali. Ini adalah keinginan untuk seseorang mencapai apa yang seseorang itu mampu capai, oleh yang demikian mereka memaksimumkan potensi yang ada untuk tujuan tersebut.

Seterusnya, Harold (1991) mengatakan, pencapaian hasrat diri beranggapan bahawa manusia ingin untuk meningkatkan kecekapan diri, mereka ingin maju dan mereka berjuang untuk menggunakan potensi mereka. Pelajar yang mempunyai hasrat ini akan

mewujudkan sesuatu persekitaran yang setiap orang akan mengamalkan sikap pengarahannya diri dan dengan ini mereka mencapai keupayaan yang maksimum.

Mengikut Bernard (1990) pencapaian adalah satu kehendak untuk menyempurnakan tugas dengan berjaya dan sejauh mana tahap pencapaiannya, dapat diukur dengan kejayaan yang akan diperolehinya nanti.

### **Faktor-Faktor yang mempengaruhi pencapaian akademik.**

Sikap menurut Fred (1926) ialah bentuk minda yang tersusun untuk berfikir, merasa, mengerti dan mengikuti amalan kebiasaan. Oleh yang demikian sikap akan menentukan seseorang itu berfikir, berhujah dan bertindak.

Seterusnya Fred (1986) menerangkan bahawa manusia mempunyai sikap yang berbeza terhadap sesuatu perkara. Tetapi, bagaimana sikap dapat mempengaruhi seseorang? terutamanya seorang pelajar. Mercy (1996) ada menulis bahawa guru yang bersikap negatif terhadap mata pelajaran sains, boleh memindahkan sikap tersebut kepada anak muda.

Kajian yang dibuat oleh Mercy (1996) juga telah menyatakan, terdapat hubungan yang positif antara pengalaman guru yang mengajar dan sikap pelajar. Selain itu, Salbiah (1989) ada mengatakan, pencapaian akademik memberi kesan kepada pembentukan sikap murid. Daripada kedua-dua kenyataan ini jelas menunjukkan ada hubungan yang positif antara sikap pelajar, pengalaman guru dan pencapaian akademik.

Walau bagaimanapun di sudut demografi, Suriati (1991) mendapati bahawa pelajar-pelajar di bandar mempunyai sikap yang positif berbanding pelajar-pelajar di luar bandar. Perkara ini berlaku kerana pendedahan para pelajar kepada alam sekitar serta masyarakat yang berbeda antara kedua-dua tempat dan peranan ibu bapa masing-masing dalam mendidik anak-anak juga berlainan. Ini dijelaskan lagi bahawa pelajar daripada kumpulan SES (Status Sosio-Ekonomi) tinggi mempunyai sikap yang lebih positif daripada kumpulan SES sederhana dan rendah.

Selain faktor sikap, faktor penglibatan ibubapa dalam persekolahan anak-anak ada memberi kesan yang positif. Catherine (1995) ada melaporkan bahawa penglibatan ibubapa adalah salah satu pembolehubah yang berkesan ke atas pencapaian anak-anak mereka di sekolah menengah atas, terutama dalam tahun pertama dan kedua pengajian mereka.

Pernyataan yang sama juga diutarakan oleh Salbiah (1989) yang melaporkan, pada awal tahun-tahun persekolahan, kesan pencapaian akademik terhadap sikap adalah lebih besar dibandingkan pada akhir tahun persekolahan.

Mengapa ibubapa melibatkan diri dalam pendidikan anak? Kathleen (1997) ada menjelaskan:

- i. ibubapa ada rasa berkewajiban untuk membantu kejayaan anak-anak mereka di sekolah.
- ii. mereka ingin memajukan keupayaan diri mereka.
- iii. mengambil peluang untuk memenuhi jemputan anak-anak mereka dan sekolah.

Dorongan dan aspirasi pelajar adalah aspek yang penting dalam mewarnakan persekitaran pembelajaran kerana terdapat hubungan yang positif antara persekitaran pembelajaran bilik darjah dengan pencapaian akademik pelajar (Hersholt, 1996). Ini bermakna, dengan meningkatkan dorongan dan aspirasi, pelajar dapat meninggikan pencapaian akademik mereka.

Jika diperhatikan, ada pelajar yang mampu menghabiskan masa dua hingga lima jam di perpustakaan untuk membaca buku atau mengulangkaji pelajaran dan mereka pula mampu mengambil perhatian sepenuhnya semasa kuliah yang diberikan oleh pensyarah dan ada pula pelajar yang tidak betah walaupun untuk waktu satu jam. Mereka tidak dapat memberikan tumpuan sepenuhnya semasa kuliah kerana tidak begitu jelas dengan apa yang diterangkan oleh pensyarah.

Perkara ini boleh berlaku kerana sikap mereka terhadap pelajaran berbeza. Mengikut David (1990) sikap merupakan arah pemikiran seseorang tentang kehidupannya dan segala apa yang terkandung dalam kehidupan itu. Dan inilah yang akan menjadi pegangan dan pendekatan dalam hidupnya. Seterusnya perkara ini akan mempengaruhi tindakan dan gerakbalas mereka terhadap sesuatu perkara. Segala kemungkinan (possibilities) dan batasan (limitation) pemikiran terletak pada minda yang hanya dilahirkan atau ditunjukkan melalui sikap seseorang.

Menurut David lagi, seseorang yang ingin belajar untuk membangunkan diri adalah seseorang yang bersikap positif terhadap hidupnya. Mereka faham bahawa kehidupan banyak memberikan pengalaman dan mereka percaya bahawa didalam pengalaman itu

ada pengajaran. Disinilah sikap positif diperlukan kerana ia mampu mengharungi cabaran dalam kehidupan.

Apakah faktor-faktor yang mempengaruhi sikap ini? Mengikut Robert (1992), terdapat 2 faktor yang mempengaruhi sikap, iaitu; faktor dalaman dan faktor luaran.

**Faktor Dalaman:** Faktor ini merujuk kepada Faktor Nilai seseorang dan bagi tujuan ini, faktor nilai terdiri 3 elemen yang penting iaitu, elemen ketaatan kepada ajaran agama, keluarga dan elemen ke 3, ialah elemen keterampilan diri.

**Faktor Luaran:** Ia merujuk kepada faktor kemanusiaan dan faktor persekitaran. Bagi tujuan kajian ini, faktor-faktor ini dibentuk oleh 6 elemen, iaitu elemen pendidikan ibubapa, latarbelakang kewangan, hubungan kekeluargaan, elemen cita-cita, dorongan dan aspirasi terhadap pelajaran.